


PILIHANRAYA KAMPUS

UniMAP LANCAR

Pilihanraya Kampus bagi Universiti Malaysia Perlis yang berlangsung pada 24 Februari 2011 untuk memilih 31 wakil Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2010/2011 berjalan lancar tanpa sebarang kekecohan. Buat pertama kalinya, wujud pertandingan dalam memilih 9 calon kerusi umum dan 6 calon pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT), Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mekatronik dan PPK Komputer dan Perhubungan. Seramai 14 orang calon menawarkan diri bagi merebut kerusi umum manakala 9 calon menawarkan diri bagi merebut kerusi di PPIPT, PPK Mekatronik dan PPK Komputer dan Perhubungan.

12 orang calon lagi diisyiharkan menang tanpa bertanding selepas tiada pertandingan bagi merebut kerusi MPP di 6 Pusat Pengajian iaitu PPK Sistem Elektrik, PPK Bioproses, PPK Alam Sekitar, PPK Bahan, PPK Pembuatan dan PPK Mikroelektronik. Turut diisyiharkan menang tanpa bertanding ialah calon bagi kerusi Pelajar Antarabangsa dan Pelajar Diploma. Pengumuman pemenang diumumkan oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin tepat jam 6.30 petang selepas proses bantahan ditutup. Dato'. Dr. Kamarudin dalam amanatnya menyeru agar calon-calon yang dipilih dapat memikul amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin. Menurut beliau, tugas seorang MPP bukan semata-mata untuk menjaga kebajikan pelajar-pelajar, tetapi pada masa yang sama turut berperanan membangunkan UniMAP sebagai 500 universiti terbaik di peringkat dunia menjelang tahun 2015.



Kesemua 31 orang pelajar berkenaan secara rasminya mengangkap sumpah sebagai anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP bagi sesi 2010/2011 pada Majlis Penyampaian Watikah MPP yang diadakan pada 5 Mac 2011. Lebih bermakna lagi, buat pertama kalinya, majlis menandatangani watikah pelantikan dan angkat sumpah ini disaksikan oleh DYTM Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajudin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan DYTM Raja Puan Muda, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

DYTM Tuanku Syed Faizudin dalam titah ucapannya bersyukur kerana proses pilihanraya kampus yang diadakan buat pertama kalinya tahun ini berjalan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini. Baginda turut bertitah agar setiap wakil MPP menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sebaik mungkin.

Pada majlis tersebut, Saudara Aminudin Anuar dilantik sebagai Yang Di Pertua MPP yang baru menggantikan Saudara Muhamad Nur Misbah.

Senarai Kerusi Umum :

Bil	Nama Pelajar	PPK
01	Aminudin Anuar	PPK Sistem Elektrik
02	Mohammad Farhan Abdul Malik	PPK Sistem Elektrik
03	Siti Arinah Ahmad	PPK Bahan
04	Muhammad Khairul Amir Fadzalih	PPK Mekatronik
05	Ismail Hud	PPK Mikroelektronik
06	Khairul Azri Jamial	PPK Alam Sekitar
07	Sarinah Jamil	PPK Bioproses
08	Partibal a/l Ganesh	PPIPT
09	Siti Fatimah Abdul Rahman	PPK Sitem Elektrik



Senarai Kerusi Pusat Pengajian :

Bil	Nama Pelajar	PPK
01	Mohd. Wafi Nasrudin	PPK Komputer dan Perhubungan
02	Siti Zubaidah Aziz	PPK Komputer dan Perhubungan
03	Mohd. Aswad Abdul Rahman	PPK Mekatronik
04	Muhammad Iyas Abdul Rahman	PPK Mekatronik
05	Muhammad Syazwan Daud	PPIPT
06	Nur Liyana Husain	PPIPT
07	Engku Muhammad Afnan Engku Azman	PPK Alam Sekitar
08	Nurul Shazreenah Jam'an	PPK Alam Sekitar
09	Liana Nafisa Safrazi	Antarabangsa
10	Mostafa Mohammed Alhaj Ali	Antarabangsa
11	Syazwani Nazri	PPK Bahan
12	Siti Nursyafiqah Samsudin	PPK Bahan
13	Zahidah Mohammad Yusoff	PPK Bioproses
14	Asma' Hannani Ahmad Daud	PPK Bioproses
15	Vijibalan a/l Kumaran	Diploma
16	Mohammad Hafiz Ahmad Nazri	Diploma
17	Eu Kwang Shenq	PPK Mikroelektronik
18	Rheeshaalaen a/l Sabapathy	PPK Mikroelektronik
19	Syamir Alihan Showkat Ali	PPK Pembuatan
20	Walishah Laiji	PPK Pembuatan
21	Satyha Raj Gunasegaran	PPK Sistem Elektrik
22	Nurul 'Ain Suaidi	PPK Sistem Elektrik

